☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad
Tarikh: 22/6/2011
Hari: RABU Mms: 128
Ruangan: PENDIDIKAN

GPMS ambil langkah tepat

Lebih 4,000 pelajar dijangka menyertai program motivasi

ROSNANI SAAD

ALOR SETAR – Lebih 4,000 pelajar Tingkatan Lima dari sekolah di seluruh Kedah dijangka menyertai program Motivasi Perdana Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kedah 2011.

Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kedah, Shamsul Bahar Abd Rani berkata, program berkenaan diadakan di lapan daerah pendidikan iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Yan, Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap, Kulim, Baling, Sik dan Langkawi.

Menurutnya, antara pengisian program adalah seni ceramah perdana, tadbirsat oleh Unit Pengambilan Pelajar (UPU), pameran melibatkan institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta serta beberapa agensi kerajaan.

"Sempena majlis pelancaran yang diadakan di Sekolah Kebangsaan (SK) Seberang Nyonya, Kuala Kedah baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam perutusannya menyifatkan GPMS Kedah mengambil langkah tepat dengan melibatkan penyertaan ibu bapa dalam program itu.

"Menurutnya, kejayaan pelajar memerlukan komitmen ibu bapa dan tidak hanya terletak pada bahu guru semata-mata," katanya.

Shamsul Bahar berkata, pada majlis sama GPMS Kedah turut mengetengahkan beberapa personaliti sebagai inspirasi pemakir GPMS Kedah.

"Mereka ialah Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, Pegawai Kemajuan Kedah, Datuk Azmi Lateh, Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah, Profesor Madya Dr Haidar Dziyauddin, Timbalan Naib Canselor UUM, Datuk Dr Ahmad Fair Hamid, Pengarah Pelajaran Kedah, Mansor Lat, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Kedah, Aziz Hamid, Pengarah Perpustakaan Kedah, Dr Zahidi Zainol Rashid, pegiat Maulan Abdul Rahman dan aktivis masyarakat, Razak Bahari.

"Seramai 12 Duta Pendidikan GPMS Kedah turut dilantik dalam kalangan guru untuk bersama-sama menjayakan aktiviti GPMS," katanya.

Program Motivasi Perdana GPMS Kedah 2011 dilancarkan Datuk Othman Aziz, mewakili Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir.

Hadir sama, Presiden GPMS Kebangsaan, Jais Abdul Karim.

> *"Seramai 12 Duta Pendidikan GPMS Kedah turut dilantik dalam kalangan guru untuk bersama-sama menjayakan aktiviti GPMS."*
>
> – Shamsul Bahar

■ Pelajar yang hadir mendaftarkan nama kepada urus setia program.

■ Shamsul Bahar (kiri) bersalaman mesra dengan Othman.

■ Sebahagian daripada pelajar yang hadir pada majlis pelancaran program.

■ Sebahagian daripada barisan yang menjayakan Program Motivasi Perdana GPMS Kedah 2011.